

Bakal angkasawan kita jalani latihan di Rusia

Oleh **ABDULLAH HAMID**
dan **HELMI MOHD. FUAD**

KUALA LUMPUR 7 Ogos — Malaysia akan menghantar dua atau tiga orang bakal angkasawan untuk menjalani latihan di Rusia bagi mengikuti misi penyelidikan penerokaan angkasa lepas dengan angkasawan negara itu pada tahun 2005.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, mereka yang terpilih akan menjalani latihan selama dua tahun.

Perdana Menteri memberitahu, pemilihan akan dindakan mengikut kelayakan dari segi kesihatan, pengetahuan, kecekapan dan sebagainya.

“Kita akan meminta sukarelawan memohon dan kita akan senarai pendek kepada dua atau tiga orang sahaja,” katanya.

Menurut beliau, calon untuk menjadi sukarelawan boleh diambil daripada sesiapa sahaja, termasuk orang awam, ahli akademik atau anggota tentera dengan kelayakan minimum ijazah pertama.

Katanya, pemilihan dua orang atau lebih bakal usahawan itu adalah untuk menjadi pengganti apabila ada calon yang tidak dapat pergi kerana terjadi sesuatu, orang lain akan dapat menjadi ganti.

“Kadang-kadang bila hari dia hendak terbang din sakit perut, kerap kali begitu, jadi kena ada pengganti,” katanya.

Dr. Mahathir memberitahu sedemikian pada sidang akhbar sempena lawatannya ke Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB) di Taman Teknologi Malaysia di sini hari ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding dan Ketua

Pengarah Agensi Angkasa Negara, Profesor Datuk Dr. Mazlan Othman turut hadir.

Rancangan menghantar angkasawan menerokai angkasa lepas itu adalah program yang diwujudkan daripada timbal balas pengumuman pembelian jet Sukhoi SU-30 MKN berharga AS\$900 juta (RM3.42 bilion) baru-baru ini.

Hanya seorang angkasawan Malaysia yang akan mengikuti misi itu bersama-sama dengan angkasawan-angkasawan Rusia.

Beliau menambah, latihan di Rusia akan mengambil masa dua tahun untuk membiasakan diri dan mendapatkan pengalaman daripada angkasawan-angkasawan Russia.

Pemilihan

Difahamkan masa yang akan dihabilit untuk latihan itu hanya 1.8 bulan sahaja, manakala pemilihan dan menetapkan calon di sini dijangka memakan masa lebih dua bulan.

Sementara itu, Dr. Mahathir menamakan satelit pencerapan bumi kedua Malaysia yang dicipta jurutera Malaysia sendiri sebagai *RazakSAT* sebagai penghormatan kepada Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

RazakSAT ialah sebuah satelit pencerapan bumi yang membawa kamera aperture sederhana (Medium Aperture Camera Satellite - Macsat).

RazakSAT dibangunkan bersama oleh ATSB dan Satreci Companies Ltd dari Korea Selatan.

Itu berupaya mengambil imej digital pada resolusi 2.5 meter pankromatik dan lima meter pelbagai spektrum.

Program pembangunan sistem satelit itu bermula secara rasmi pada tahun 2000 dengan seramai 16 jurutera ATSB dihantar ke Korea Selatan untuk bekerja bersama rakan teknologi mereka.

Bagaimanapun, beberapa bahagian subsistem satelit *RazakSAT* telah dibangunkan di Malaysia oleh jurutera ATSB termasuk subsistem penting bagi satelit tersebut.

Penghasilan subsistem satelit ini merupakan kali pertama sebuah satelit dibangunkan oleh jurutera Malaysia di dalam negara ini.

Sistem pembangunan satelit itu merangkumi tiga model iaitu model kejuruteraan, kelayakan dan penerbangan.

RazakSAT dijangka dilancarkan ke orbit pada pertengahan Ogos tahun depan.

ATSB telah ditubuhkan untuk membangunkan sistem satelit angkasa bagi Malaysia dan ia telah berjaya mereka bentuk, membangunkan, melancar dan mengoperasikan satelit mikro pertama negara iaitu *TiungSAT-1*, yang telah dilancarkan pada 26 September 2000.

Pada sidang akhbar yang sama, Mahathir berkata, jurutera Malaysia kini mempunyai keupayaan membina komponen-komponen satelit sendiri dan beliau berpuas hati dengan kejayaan yang dicapai.

Walaupun lewat pembabitannya, beliau berkata, Malaysia mempunyai potensi dalam bidang berkenaan.

Namun pada masa kini memerlukan tenaga pakar yang ramai serta sumber kewangan yang banyak untuk terus membangunkan program membina satelit sendiri.